

KUALA LUMPUR, 15 JAN. (BERNAMA) -- MESYUARAT BERSAMA JAWATAN-KUASA KABINET DAN PIHAK KAKITANGAN HARI INI MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK MERUJUKKAN LAPURAN IBRAHIM ALI KEPADA PERDANA MENTERI, DATUK HUSSEIN ONN UNTUK PENYELESAINAN MUKTAMAD.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD, YANG MEMPENGERUSI -KAN MESYUARAT TERSEBUT BERKATA DATUK HUSSEIN AKAN MEMANGGIL SATU SIDANG KABINET BAGI MEMBINCANGKAN SOAL TERSEBUT +SECEPAT MUNGKIN+ APABILA BELIAU PULANG PADA 19 JANUARI.

DATUK HUSSEIN SEKARANG MELAKUKAN LAWATAN RASMI KE LIBYA.

DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MAHU MENYELESAIKAN PERKARA TERSEBUT SECEPAT MUNGKIN KERANA +BANYAK MASALAH BERHUBUNG DENGAN PELAKSANAAN AKAN TIMBUL JIKA DITANGGUHKAN LEBIH LAMA.+

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENEGASKAN KERAJAAN HANYA AKAN MELAKSANAKAN LAPURAN ITU JIKA JUMLAH KOS DALAM KEMAMPUAN KERAJAAN.

DR. MAHATHIR BERKATA MENGIKUT KIRAAN KERAJAAN, JUMLAH KOS MELAKSANAKAN LAPURAN IBRAHIM ALI IALAH \$576.6 JUTA TIDAK TERMASUK GAJI POLIS DAN ANGGUTA TENTERA. -- BERSAMBUNG 1545/LK

££

B576

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MENERANGKAN ANGKA KERAJAAN ITU TERMASUK PEMINDAHAN GAJI, PERUMAHAN, BONOS DAN LAIN-LAIN ELAUN YANG AKAN DIBAYAR KEPADA SEMUA KAKITANGAN AWAM DAN SIBIL DI PERINGKAT PERSEKUTUAN, NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN BADAN-BADAN BERKANUN.

BELIAU MENAMBAH SEKIRANYA KOS KENAikan GAJI BAGI TENTERA DAN POLIS DIMASUKKAN, MAKA JUMLAH KOS YANG AKAN DITANGGUNG OLEH KERAJAAN IALAH \$660.6 JUTA.

+MASALAHNYA BAGAIMANA KERAJAAN AKAN DAPAT MENGADAKAN WANG SEBANYAK ITU BAGI MENAMPUNG PERBELANJAAN YANG BERTAMBAH?+ BELIAU BERTANYA.

KETIKA MENJELASKAN ALASAN PIHAK KAKITANGAN BAHAWA KERAJAAN AKAN MELAKSANAKAN LAPURAN TERSEBUT SEKIRANYA KOS PELAKSAAN KIRA-KIR \$377 JUTA, DR. MAHATHIR BERKATA APA SEBENARNYA YANG TELAH DI-PERSETUJUJ IALAH +KOS PELAKSANAAN SEPENUHNYA HENDAKLAH \$377 JUTA DAN BUKAN SETAKAT PEMINDAHAN SAJA TTIDAK TERMASUK ELAUN-ELAUN LAIN.+

+TETAPI SEBAGAIMANA YANG TELAH SAYA NYATAKAN, KOS SEPENUHNYA BAGI PELAKSANAAN LAPURAN ITU IALAH JAUH LEBIH TINGGI DARI ITU.+

DR. MAHATHIR BERPENDAPAT PIHAK KESATUAN CUBA MENGHALANG PELAK-SANAAN LAPURAN +KERANA MEREKA MEMBUAT KIRAAN BERASASKAN ANGGAPAN YANG SALAH+. -- BERSAMBUNG 1555/SZ

££

B577:

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR TETAP MENEGASKAN BAHAWA ANGKA KERAJAAN ITU ADALAH TEPAT.

PENGERUSI BERSAMA MAJLIS KEBANGSAAN PIHAK KAKITANGAN, ENCIK T. NARENDRAN BERHARAP MASALAH ITU DAPAT DISELESAIKAN SEGERA KERANA PIHAK KESATUAN TELAH HILANG SABARNYA.

BELIAU JUGA BERHARAP KERAJAAN TIDAK AKAN MEMBUAT SEBARANG PERUBAHAN TERHADAP LAPURAN YANG TELAH DIKAJI SEMULA.

ENCIK NARENDRAN BERKATA MENURUT PERKIRAAN PIHAK KAKITANGAN, KOS PEMINDAHAN IALAH \$135 JUTA, PERUMAHAN \$144.73 JUTA DAN PENSEN \$43.96 JUTA DAN JUMLAH ANGGARAN KOS IALAH \$323.71 JUTA.

BELIAU BERKATA KIRAAN KERAJAAN BERASASKAN ANGGAPAN YANG SALAH.

BELIAU JUGA MENDAKWA KERAJAAN TIDAK MEMASUK KIRA 10 PERATUS JAWATAN KOSONG DAN KIRAAN CUKAI DALAM PERKIRAANNYA.

PENGERUSI BEBAS JAWATANKUASA PERKIRAAN MENGENAI LAPURAN ITU, ENCIK AHMAD NOORDIN MEMBERITAHU MESYUARAT BAHAWA ANGGARANNYA TIDAKLAH TEPAT TETAPI +MENEPATI KIRA-KIRA 95 PERATUS+.

BELIAU MENGANGGARKAN KOS PELAKSANAAN ANTARA \$348.95 JUTA HINGGA \$394.04 JUTA.

ENCIK AHMAD MENJELASKAN ADALAH SUKAR HENDAK MENDAPATKAN ANGKA YANG TEPAT KECUALI SATU TINJAUAN YANG MENYELURUH MENGENAI JUMLAH PEKERJA DIJALANKAN. -- BERSAMBUNG 1559/LK

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

MESYUARAT HARI INI DIADAKAN SEJAJAR DENGAN KEPUTUSAN YANG DIAMBIL DI MESYUARAT ERSAMA PEGAWAI-PEGAWAI DAN PIHAK KAKITANGAN PADA 17 OKTOBER LALU YANG DIPENGERUSIKAN OLEH DATUK HUSSEIN.

MESYUARAT TIGA JAM ITU YANG TERBUKA KEPADA PIHAK AKHBAR DIHADHIRI OLEH MENTERI BURUH DAN TENAGA RAKYAT, DATUK LEE SAN CHOON, MENTERI PERHUBUNGAN, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM DAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, TAN SRI CHONG HON NYAN.

TURUT HADIR IALAH KETUA SETIAUSAHA NEGARA, DATUK ABDULLAH SALLEH, KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN, TAN SRI ABDULLAH AYUB DAN LAIN-LAIN PEGAWAI KANAN KERAJAAN DAN KESATUAN. -- BERNAMA 1601/LK

21